

# Usah sertai demonstrasi 4 Ogos: PM

BH' 29 JUL 2000

Oleh Lichong Angkui dan Shamsul Kamal Amarudin

KOTA KINABALU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati orang ramai jangan terpengaruh dengan pelawaan penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menyertai demonstrasi di Kuala Lumpur, pada 4 Ogos ini.

Perdana Menteri berkata, demonstrasi seumpama itu tidak membawa sebarang kebaikan, sebaliknya akan menjejaskan ekonomi negara lebih-lebih lagi penjaja dan peniaga kecil selain mengganggu pelajar yang benar-benar mahu belajar.

"Mereka adalah golongan minoriti tetapi apabila mereka berdemonstrasi, peniaga dan pekerja terganggu. Ini menunjukkan demonstrasi itu dilakukan dengan perasaan tidak bertanggungjawab.

"Ini juga adalah proses menganiaya orang yang miskin." katanya pada sidang akhbar di Hotel Pacific Sutera, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai tindakan kumpulan penyokong Anwar menyebarkan dakwah dalam Internet menghajak orang ramai berhimpun di depan Mahkamah Tinggi, Jumaat depan.

✓ **Demonstrasi dirancang penyokong Anwar Ibrahim akan menjejaskan ekonomi negara lebih-lebih lagi penjaja dan peniaga kecil selain mengganggu pelajar yang mahu belajar.**

✓ **Pada tarikh itu, Mahkamah Tinggi dijangka membuat keputusan berhubung kes liwat membabitkan bekas Timbalan Perdana Menteri.**

Pelawaan itu dilakukan kerana pada hari berkecemasan, Mahkamah Tinggi dijangka membuat keputusan berhubung kes liwat yang didakwa membabitkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Dr Mahathir turut menegur pembabitkan sesetengah pelajar institusi pengajian tinggi awam dalam kegiatan demonstrasi, sedangkan pelajar institusi pengajian tinggi swasta lebih menumpukan perhatian mereka kepada pelajaran.

"Mereka seronok berdemonstrasi, kadangkala membabitkan pelajar universiti kerajaan. Oleh kerana kita memberi subsidi yang banyak sehingga ada

kalanya tidak perlu membayar langsung apa-apa yuran, mereka mengambil risiko terhadap pelajaran.

"Mereka suka berdemonstrasi kerana tidak rugi apa-apa, tetapi dalam masa sama mereka tidak mahu orang lain belajar, sedangkan pelajar lain terutama di institusi swasta membayar yuran yang banyak dan ingin belajar," katanya.

Sementara itu, mengulas keputusan kerajaan Pas Terengganu melarang wanita menyertai tilawah al-Quran mulai tahun ini, Perdana Menteri berkata itu adalah hak kerajaan negeri berkenaan dalam menginterpretasikan aurat dalam Islam.

Katanya, sepanjang pengetahuan belum pernah terdengar mengenai suara wanita yang membacakan syahwat orang lelaki yang mendengarnya.

“Walaupun disebut kita semua jangan meninggikan suara sama ada lelaki atau wanita Islam, tetapi (kebiasaannya) digunakan kepada wanita saja kononnya kerana ini akan menimbulkan nafsu seseorang orang.

“Jadi saya tidak tahulah kalau orang baca al-Quran boleh menyebabkan nafsu kita naik, semua orang pun suka baca dan dengar ayat suci...tetapi nampak (seolah-olah) orang Pas di Terengganu tak boleh dengar langsung wanita baca al-Quran, kalau baca al-Quran saja mereka boleh

naik lain macam, dia naik tak ingat dah,” katanya.

Dr Mahathir berkata, keputusan kerajaan Pas Terengganu adalah meniru keputusan kerajaan Pas Kelantan, malah kedua-dua kerajaan negeri itu saling mencontohi keputusan masing-masing.

Umpamanya, kata beliau, sepanjang 10 tahun parti itu memerintah Kelantan, Pas tidak pernah memusnahkan patung Kijang yang menjadi simbol kerajaan negeri tetapi apabila kerajaan Terengganu memusnahkan replika penyau di negeri itu, Pas di Kelantan turut berbuat demikian.

“Jadi dengan cara ini Pas menunjukkan begitu sekali berjuang untuk Islam, oleh itu, saya harap mereka juga akan musnahkan semua gambar

yang ada di negeri mereka,” katanya.

Mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang diperkenalkan pada 1994, Perdana Menteri mengulangi kesediaannya menerima keputusan yang dibuat rakyat Sabah.

Dr Mahathir berkata, keputusan sama ada meneruskan atau menghentikan sistem itu terserah kepada rakyat Sabah.

“Saya sedia menerima apa saja kehendak rakyat Sabah (berhubung sistem itu),” katanya sambil menjelaskan perkara itu perlu dipenuhi mengikut semangat Barisan Nasional (BN)

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata, BN Sabah boleh mencari mekanisme bagi penyelesaian pertikaian yang timbul.

Sambil mengakui memang beliau yang menca-

dangkan sistem itu, Perdana Menteri berkata rakyat Sabah berhak membuat keputusan muktamad.

“Memang benar saya yang mencadangkannya. Jika ada bantahan terhadap perkara itu, bantahan itu sepatutnya sudah dibuat ketika itu tetapi tiada siapa yang membantahnya..jelas semua pihak menerimanya. Sekarang, jika saya berkata ‘hentikan sistem itu’, rakyat mungkin membantah,” katanya.

Sistem menggilirkan Ketua Menteri setiap dua tahun dimulakan pada 1994 bagi membolehkan pemimpin daripada tiga kaum utama iaitu Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam menjadi Ketua Menteri secara bergilir-gilir.

Mereka yang dilantik sebagai Ketua Menteri di

bawah sistem itu ialah Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang Dipertua Negeri), Datuk Salleh Tun Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok dan Ketua Menteri sekarang Datuk Osu Sukam.

Jika sistem itu diteruskan, penggal Osu akan berakhir pada Mei tahun depan dan selepas itu pemimpin masyarakat Bumiputera bukan Islam akan dilantik menjadi ketua menteri bagi menyambung tempoh yang tidak dihabiskan Dompok ketika memegang jawatan itu.

Dompok menjadi ketua menteri hanya selama 11 bulan sebelum pilihan raya negeri diadakan tahun lalu. Beliau gagal mempertahankan kerusinya pada pilihan raya negeri lalu dan Osu dilantik ke jawatan itu.